

Kaedah fizikal masih jadi pilihan

Kuala Nerus: Kaedah penggunaan buku sebagai rujukan fizikal amat penting dalam dunia pendidikan walaupun golongan penuntut pada zaman ini terdedah dengan sumber rujukan di alam maya.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Zainal Abidin (UniSZA) Profesor Dr Nik Wan Omar berkata, sebanyak 60 peratus penuntut universiti itu mendapat sumber rujukan ilmiah secara atas talian berbanding hanya 40 peratus yang menggunakan kaedah fizikal iaitu rujukan buku dalam tempoh setahun.

Menurutnya, pihaknya mempunyai pangkalan data

untuk menyimpan sumber rujukan secara maya yang boleh diperoleh sepanjang masa dan ia diiktiraf sebagai salah satu rujukan bagi menyiapkan tugasan.

"Kaedah fizikal masih menjadi pilihan walaupun wujud peralatan telekomunikasi yang memudahkan penuntut untuk mendapatkan bahan rujukan secara cepat.

"Kedua-dua kaedah itu amat penting bagi seseorang penuntut untuk mendapatkan bahan rujukan yang tepat mengikut cita rasa masing-masing," katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Minggu Perpustakaan UniSZA, di Kampus Gong Badak, di sini, semalam.



DR Nik (kiri) beramah mesra bersama penerima anugerah pada majlis Minggu Perpustakaan UniSZA.